

Perlembagaan UMNO akan dipinda - Dr. M

U.M. - 4 NOV 1993

KUALA LUMPUR 3 Nov. — UMNO akan meminda perlembagaannya bagi membolehkan setiap bahagian diwakili oleh sekurang-kurangnya seorang wakil Wanita ke Perhimpunan Agung parti tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pindaan tersebut akan dibuat pada perhimpunan khas pada satu tarikh yang belum ditentukan.

Kata beliau, pindaan tersebut adalah ekoran desakan daripada Pergerakan Wanita yang meminta supaya wakilnya ditambah.

“Wanita buat desakan supaya dibuat pindaan bagi membolehkan tiap-tiap bahagian mempunyai wakil secara automatik seorang atau dua.

“Terpulang kepada Majlis Tertinggi atau perhimpunan khas nanti,” kata beliau kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang terakhir bagi penggal 1990/93 di Ibu Pejabat UMNO di sini, malam ini.

Kini Perlembagaan UMNO hanya membenarkan Pergerakan Pemuda dan Wanita masing-masing menghantar 30 wakil sahaja ke Perhimpunan Agung.

Ditanya sama ada Pemuda juga akan diberi peluang menambah wakilnya seperti mana Pergerakan Wanita, Dr. Mahathir berkata: “Pemuda belum buat desakan lagi”.

Mesyuarat yang berlang-

sung kira-kira satu setengah jam itu turut membincangkan persiapan Perhimpunan Agung yang bermula esok.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Ketua Pergerakan Pemuda yang baru dipilih, Tan Sri Rahim Thamby Chik.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, perhimpunan agung selama tiga hari itu hanya akan membahaskan dua usul sahaja.

Kedua-dua usul berkenaan ialah usul ucapan terima kasih ke atas ucapan dasar Presiden yang akan dikemukakan oleh Perhubungan UMNO Perak dan usul pendidikan oleh Perhubungan UMNO Selangor.

“Kita ada dua usul sahaja kerana mengambil masa sedikit untuk pemilihan,” katanya.

Kata beliau, para perwakilan daripada bahagian akan mengundi dan disusuli oleh ahli MT.

“Pembuangan undi akan dijalankan selepas sahaja ucapan dasar Presiden disampaikan,” katanya.

Ditanya pendapat beliau berhubung kelebihan 44 undi sahaja kemenangan Rahim Tamby Chik bagi pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, Dr. Mahathir berkata: “Beza 44 besar, dalam UMNO itu perkara biasalah”.

“Lagipun susah nak putus, sebab dua-dua calon pun sama wibawa,” katanya.